NAHDAH

BERITA WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA

EDISI
NOVEMBER
2026

WADAH

Untuk layari laman sesawang wadah imbas kod QR ini.

JOM SCAN



TINTA PRESIDEN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

CABARAN KELANGSUNGAN KEPIMPINAN MADANI



Tinta Presiden untuk eNahdah November 2026

Dalam suasana persaingan politik yang semakin menajam, di tengah-tengah pergolakan dunia yang turut menghimpit kehidupan rakyat, persoalan kelangsungan kepimpinan MADANI perlu ditanggapi dengan jernih. Apakah yang sebenarnya mahu kita pertahankan? Sekadar kelangsungan sebuah pemerintahan, atau kesinambungan suatu perjuangan membangun negara yang adil, beradab dan sejahtera? Persoalan ini menuntut kejujuran, kerana jawapannya akan menentukan arah dan mutu perjuangan kita.

Allah SWT mengingatkan dalam Surah al-Baqarah, ayat 269, bahawa sesiapa yang dikurniakan hikmah sesungguhnya telah dikurniakan kebaikan yang banyak. Dalam urusan kepimpinan dan kenegaraan, hikmah menuntut keteguhan prinsip, kejernihan pertimbangan serta kesediaan berlaku adil, termasuk terhadap mereka yang berbeza pandangan. Pencapaian yang membawa kebaikan kepada rakyat sewajarnya diiktiraf. Kelemahan dan kepincangan pula mesti ditegur serta diperbetul. Kita tidak akan mendewasakan bangsa dengan membenarkan segala tindakan kelompok sendiri atau menafikan segala kebaikan pihak lain.

Justeru, kelangsungan kepimpinan MADANI harus difahami dalam kerangka pembinaan negara dan peradaban yang melampaui hayat sesebuah kerajaan. Kepimpinan boleh mencetuskan pembaharuan, tetapi kesinambungannya bergantung pada institusi yang beramanah dan berwibawa. Keutuhan badan kehakiman, ketelusan pentadbiran, penghayatan budaya syura dan kesediaan bermuhasabah mesti diperkukuh. Kekuatan institusi hendaklah berakar pada prinsip keadilan dan kedaulatan undang-undang, sehingga pertukaran kepimpinan tidak menggugat amanah yang dipikulnya.

Di sinilah teruji kesungguhan kita membina sebuah negara yang bermartabat.

Pada masa yang sama, kita harus insaf bahawa rakyat menilai kemajuan melalui pengalaman kehidupan mereka. Angka pertumbuhan ekonomi dan kemasukan pelaburan perlu diterjemahkan kepada kesejahteraan yang dapat dirasai. Seorang bapa menghitung baki pendapatan setelah menunaikan keperluan keluarga. Seorang ibu memikirkan harga barang dan masa depan pendidikan anak-anaknya. Anak muda pula mengharapkan pekerjaan yang bermaruah serta peluang membina kehidupan yang lebih baik. Segala dasar dan perancangan mesti menjawab keresahan ini. Politik pengumuman perlu disusuli kesungguhan pelaksanaan, dengan manfaatnya benar-benar sampai kepada rakyat.

Cabaran yang tidak kurang berat ialah kemerosotan budaya fikir akibat politik ketakutan, fitnah dan penyebaran maklumat tanpa semakan. Masyarakat yang terus diasak dengan prasangka akan kehilangan keupayaan menilai secara adil. Sebab itulah prinsip tabayyun mesti dihidupkan sebagai disiplin dalam kehidupan bermasyarakat: menyemak sumber, memahami konteks dan menimbang hujah sebelum membuat kesimpulan. Perbezaan pendirian politik tidak seharusnya merosakkan persaudaraan atau meruntuhkan kepercayaan antara warga.

Malaysia memerlukan kebijaksanaan mengurus kepelbagaian dengan adab dan rasa tanggungjawab. Semangat Sahifah Madinah memperlihatkan bahawa perbezaan agama dan identiti dapat diurus melalui kesepakatan tentang keadilan, keamanan serta tanggungjawab bersama. Perpaduan tumbuh apabila setiap pihak bersedia mendengar, menghormati hak dan memelihara kesepakatan hidup bernegara. Ia menuntut kematangan untuk meletakkan maslahat negara mengatasi kepentingan serta sentimen kelompok.

Dalam hubungan ini, gerakan Islam, ulama, ilmuwan dan masyarakat sivil memikul amanah membimbing umat. Kedekatan dengan kepimpinan mesti disertai kebebasan menasihati dan keberanian menyatakan kebenaran. Sebagai rakan islah, gerakan Islam berkewajipan mendukung yang makruf, menegur kepincangan dengan hikmah dan mengusahakan penyelesaian berasaskan ilmu. Masjid, institusi pendidikan serta jaringan komuniti perlu digerakkan sebagai medan pencerdasan umat, pembinaan watak dan penyediaan generasi pelapis yang mampu berfikir, berkhidmat serta memimpin.

Akhirnya, kelangsungan kepimpinan MADANI akan dinilai melalui warisan yang ditinggalkannya: rakyat yang semakin bersatu, institusi yang semakin dipercayai, ekonomi yang lebih adil dan generasi yang bersedia memikul amanah zamannya. Pemerintahan akan silih berganti, tetapi kerja membina negara dan peradaban mesti diteruskan. Tanggungjawab kita ialah memastikan nilai terus diperkukuh, keadilan terus ditegakkan dan kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi ukuran keberhasilan kepimpinan. Kelangsungan inilah yang memberikan makna kepada perjuangan kita.

DATO' AHMAD AZAM AB RAHMAN
Presiden WADAH

Diolah berdasarkan Amanat Pimpinan Dato' Ahmad Azam Abdul Rahman, Presiden WADAH, sempena Ijtimak Harakiy ke-8 dan Muktamar Nasional WADAH ke-20 (2026), bahagian "Cabaran Kelangsungan Kepimpinan MADANI".



KESEIMBANGAN ANTARA UNDANG-UNDANG DAN KEPERCAYAAN AWAM

Isu penahanan rumah membabitkan melibatkan bekas pimpinan negara perlu dilihat secara objektif berlandaskan fakta dan undang-undang yang berkuatkuasa. Di Malaysia, tiada peruntukan khusus dalam mana-mana undang-undang bertulis yang memberi hak automatik kepada mana-mana banduan untuk menjalani hukuman di rumah. Sebaliknya, keputusan seumpama itu tertakluk kepada budi bicara Lembaga Pengampunan di bawah Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan, yang bersidang atas nasihat dan pertimbangan tertentu. Sebarang keputusan mesti melalui proses yang teliti, termasuk laporan daripada pihak penjara dan pertimbangan kesihatan, kelakuan, serta kepentingan awam. WADAH maklum mengenai tindakan Majlis Peguam yang memohon untuk mencabar keputusan Lembaga Pengampunan ini melalui semakan kehakiman. Kita percaya semua perbincangan mengenai isu ini seharusnya berpaksikan proses institusi yang sah, bukan andaian atau desakan emosi mana-mana pihak.

Namun begitu, realiti sentimen rakyat tidak boleh diabaikan. Ramai dalam kalangan masyarakat awam tidak memahami asas dan kelebihan penahanan rumah, apatah lagi apabila ia membabitkan individu yang telah disabitkan kesalahan dalam kes berkaitan dana awam. Persepsi bahawa terdapat "keistimewaan" untuk golongan tertentu wujud kerana proses budi bicara ini kurang telus di mata umum. Jurang kefahaman ini perlu ditangani melalui penjelasan terbuka mengenai kriteria, prosedur, dan justifikasi keputusan, agar rakyat tidak melihatnya sebagai ketidakadilan atau double standard. Tanpa komunikasi yang jelas, keyakinan awam terhadap institusi keadilan boleh terjejas.

Banyak persoalan yang dibangkitkan; kelonggaran serta ketidakberanian pihak penguasa menahan tahanan rumah ini sekiranya berlaku pelanggaran dalam tempoh tahanan rumah. Rakyat wajar tahu dengan jelas bukan hanya kos tinggi dikeluarkan oleh Kerajaan malah tatacara pelanggaran dan bagaimana menanganinya. Laporan berkala kepada Parlimen dilihat sangat signifikan kerana di sinilah rakyat berpeluang menilai penggunaan sumber awam dan pematuhan syarat terhadap persoalan yang julung kalinya berlaku di negara ini. Hanya dengan ketelusan dan akauntabiliti, sentimen ketidakpuasan rakyat dapat ditangani secara konstruktif, dan integriti sistem keadilan negara dapat terus dipelihara.

Kepada semua ahli dan pendukung WADAH, kita kini berada dalam suasana yang dikatakan sebagai “perilous moment"— momen berbahaya atau genting — dalam pelbagai masalah seperti krisis peribadi, ketegangan sosial-politik, atau bahkan situasi global. Namun, mengiktiraf keadaan genting bukan bermakna kita menyerah kepada panik. Sebaliknya, ia menuntut kita menghadapinya dengan tenang namun waspada. Sekali lagi ayat 6 Surah Al-Hujurat mengingatkan kita untuk berhenti sejenak lalu menyelidiki berita yang diterima sebelum bertindak sehingga memudaratkan orang lain.

Setelah fakta dikumpulkan dan keperluan dasar disediakan, tumpuan harus dialihkan kepada perkara yang benar-benar boleh dikendalikan. Tenaga yang habis pada spekulasi dan kebimbangan di luar kawalan hanya melemahkan kita; sebaliknya, tindakan kecil yang konkrit — satu langkah nyata hari ini — lebih bernilai daripada sepuluh rancangan besar yang tidak dilaksanakan. Pada masa yang sama, kita tidak boleh menghadapinya sendirian: kekal terhubung dengan orang lain, menjaga kondisi fizikal dan mental, serta menyediakan rancangan alternatif secara sederhana tanpa jatuh ke dalam paranoia. Keseimbangan antara kesiapan dan ketenangan itulah kunci untuk bertahan.

Akhirnya dalam tekanan yang tinggi, nilai-nilai mesti dijadikan akar yang kuat — pegangan yang tidak digadaikan walau apa pun berlaku. Momen genting bersifat dinamik; apa yang betul semalam mungkin tidak lagi sesuai hari ini. Oleh itu, kita perlu berupaya menilai semula dan beradaptasi seiring perubahan situasi, tanpa menggadaikan integriti dan prinsip sendiri. Dengan ketenangan, fakta yang sahih, tindakan yang terkawal, dan nilai sebagai tunjang, masyarakat kita mampu melangkaui momen genting ini bukan dengan ketakutan, tetapi dengan kesediaan dan kematangan.

AZIZUDDIN AHMAD
Setiausaha Agung WADAH
eNahdah November 2026

ANAK MAKIN DIGITAL, IBU BAPA PERLU LEBIH BERSEDIA









CHERAS, 4 OKTOBER 2026 – Bengkel Keibubapaan Era Digital telah berlangsung di Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Cheras, sebagai ruang memperkasa ibu bapa dengan ilmu dan kemahiran mendepani cabaran membesarkan anak dalam persekitaran digital yang semakin kompleks. Program ini memberi tumpuan kepada aspek komunikasi keluarga, pengurusan penggunaan gajet, kesejahteraan emosi serta kesedaran terhadap risiko keselamatan siber yang boleh mempengaruhi perkembangan anak-anak.

Bengkel ini meneruskan pendekatan pendidikan keluarga yang sebelum ini diketengahkan dalam siri keibubapaan WADAH, dengan penekanan bahawa ibu bapa bukan sekadar perlu mengawal penggunaan teknologi, tetapi juga membina hubungan yang rapat, menjadi teladan dalam adab digital dan menyediakan ruang komunikasi yang selamat kepada anak-anak. Pengisian seperti ini diharap dapat membantu keluarga membina ketahanan yang lebih kukuh dalam menghadapi perubahan gaya hidup dan cabaran generasi digital masa kini.

AL-MIZAN RANGKA RESPONS UNDANG-UNDANG LEBIH TERSUSUN DAN BERIMPAK

BANGI, 6 OKTOBER 2026 – Majlis Al-Mizan WADAH telah menganjurkan Bengkel Strategik Isu Perundangan di Malaysia dari jam 8.45 pagi hingga 12.30 tengah hari dengan menghimpunkan peguam, aktivis hak asasi manusia, ilmuwan syariah serta pimpinan masyarakat sivil. Bengkel ini membuka ruang untuk menilai isu perundangan semasa secara lebih kritis dan berimbang, dengan penekanan terhadap kedaulatan undang-undang, keadilan prosedur serta perlindungan maruah insan. Program dimulakan dengan ucapan Setiausaha Agung WADAH yang menegaskan peranan Majlis Al-Mizan sebagai platform pencerahan undang-undang kepada masyarakat.





Kemuncak bengkel menerusi sesi "Merangka dan Membentangkan Pelan Tindakan" menyaksikan peserta mengemukakan cadangan tindakan jangka pendek dan panjang, antaranya penubuhan pasukan respons pantas bagi isu perundangan nasional, penerbitan bahan literasi undang-undang untuk komuniti serta penyelidikan berterusan mengenai pembaharuan undang-undang. Bengkel ini memperlihatkan usaha Majlis Al-Mizan untuk bergerak daripada sekadar memberikan respons terhadap isu kepada pembentukan strategi yang lebih tersusun, berasaskan fakta, perlembagaan dan prinsip keadilan.

50 KAJIAN HIDUPKAN FIKRAH SIDDIQ FADZIL UNTUK MADANI



Bestari Jaya, 7 Oktober 2026 – Simposium Fikrah Siddiq Fadzil (SAF) 2026 bertemakan "Siddiq Fadzil & Negara MADANI" telah berlangsung di Dewan Senat, UNISEL Kampus Bestari Jaya dengan menghimpunkan ahli akademik, penyelidik, mahasiswa dan penggerak masyarakat. Program anjuran Institut Pemikiran dan Kepemimpinan Siddiq Fadzil (IPKSF) UNISEL bersama rakan strategik termasuk WADAH, ABIM, PKPIM dan Kolej Dar al-Hikmah ini dirasmikan oleh Yang Dipertua YADIM, Datuk Dr. Hasan Bahrom, dan menampilkan lebih 50 tajuk kajian mengenai pemikiran serta legasi Allahyarham Dr. Siddiq Fadzil.







Forum Fikrah MADANI bertajuk "Pemikiran Siddiq Fadzil: Warisan dan Relevansi Kontemporari" menjadi antara pengisian utama dengan Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil mengupas Fiqh Ta'ayush dan Pembinaan Bangsa Malaysia Harmoni, Datuk Dr. Hasan Bahrom membicarakan peranan penggerak amal Islami dalam menjayakan Siasah Madani, manakala Prof. Dr. Md Sidin Ahmad Ishak mengangkat peranan bahasa dalam pembinaan budi dan tamadun bangsa. Forum tersebut dikendalikan oleh Timbalan Pengarah IPKSF, Ts. Izwan Suhadak Ishak.













Sesi petang diteruskan dengan pembentangan 50 tajuk kajian melalui sidang selari yang merangkumi pelbagai dimensi seperti pendidikan, ekonomi, maqasid syariah, kepimpinan, kemiskinan dan cabaran era digital. Simposium diakhiri dengan pembentangan resolusi oleh Pengarah SAF 2026, Dr. Muhamad Razak Idris, sekali gus menegaskan bahawa pemikiran Siddiq Fadzil bukan sekadar warisan intelektual, tetapi terus menjadi sumber rujukan dalam membina masyarakat dan negara MADANI yang berilmu, berkeadilan dan berperadaban.





MALAM TAUTAN SATUKAN MAHASISWA BAHARU, SEMARAKKAN SEMANGAT PKPIM

GOMBAK, 9 OKTOBER 2026 – Malam Tautan PKPIM IIUM Gombak menjadi medan perkenalan dan jaringan antara mahasiswa baharu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan pelajar senior, sekali gus membuka ruang kepada mereka mengenali lebih dekat gerak kerja serta budaya kepimpinan mahasiswa. Program ini turut menampilkan YB Senator Dr. Jufitri Joha yang berkongsi pengalaman sebagai mahasiswa, selain Sdr. Muslihuddin, Naib Presiden Kampus PKPIM, yang memperkenalkan dunia PKPIM kepada para peserta.

Turut hadir Naib Presiden WADAH, Prof. Dato' Dr. Mohamad Fauzan Noordin, yang beramah mesra bersama mahasiswa dan menyampaikan kata-kata dorongan agar mereka terus teguh menghadapi cabaran sepanjang perjalanan pengajian. Pertemuan ini diharap menjadi titik awal kepada penglibatan lebih aktif mahasiswa dalam program-program PKPIM, di samping membina ukhuwah dan kesinambungan kepimpinan dalam kalangan generasi kampus.

BELANJAWAN 2027 DIBEDAH, **SUARA RAKYAT JADI TUMPUAN**





BANGI, 13 OKTOBER 2026 – Dialog Pasca Belanjawan Malaysia 2027: Apa Yang Diperlukan Rakyat & Negara telah berlangsung di Bangi Convention Center dengan menghimpunkan tokoh ekonomi dan akademik bagi membincangkan hala tuju belanjawan negara serta keutamaannya kepada rakyat. Dialog menampilkan Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Wan Ramli Wan Daud, Pengerusi Pertubuhan Profesor G70; Dato' Mohammad Sahar Mat Din, Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia; dan Dato' Prof. Dr. Saadiah Mohamad, Pengerusi Forum Ekonomi Manusiawi, dengan Prof. Madya Dr. Shifa Mohd Nor selaku Pengarah Program Dialog.

WADAH turut mengikuti wacana berkenaan menerusi kehadiran Tuan Haji Mohd Halimi Abdul Hamid, Setiausaha Kewangan WADAH Kebangsaan, sebagai wakil organisasi. Penyertaan ini memberi ruang kepada WADAH mengikuti perbincangan mengenai keperluan rakyat dan negara pasca Belanjawan Malaysia 2027, di samping memperluas jaringan dengan kelompok ilmuwan serta pemain ekonomi dalam meneliti isu pembangunan dan kesejahteraan masyarakat.





KARYA ISLAM NUSANTARA DIHIDUPKAN, WADAH SERTAI WACANA PENULIS

PUTRAJAYA, 14–15 OKTOBER 2026 – Konvensyen Penulis Islam Nusantara (KPIN) 2026 anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) telah berlangsung di Hotel Zenith, Putrajaya dengan menghimpunkan lebih 200 penulis, ilmuwan, penerbit dan penggiat industri perbukuan dari rantau Nusantara. Bertemakan "Melestari Karya Islam Nusantara", konvensyen membincangkan masa depan karya Islam, penggunaan kecerdasan buatan dalam penulisan, etika dan plagiarisme, pemeliharaan tulisan Jawi serta pendigitalan manuskrip khazanah Islam. Majlis perasmian disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dr. Zulkifli Hasan.

WADAH diwakili oleh Puan Lathifah Ulfa Ismail dalam konvensyen tersebut, sekali gus membuka ruang mengikuti perkembangan pemikiran, penulisan dan penerbitan Islam serantau. Pertemuan dua hari itu turut mengetengahkan keperluan membina ekosistem penulisan yang berwibawa dan berintegriti, di samping memperluas kerjasama antara penulis serta penerbit Nusantara agar karya berteraskan ilmu dan adab terus relevan merentas generasi.

HI-TEA AMAL RAHMAH BINA HARAPAN, BELA MASA DEPAN

PUTRAJAYA, 17 OKTOBER 2026 – Hi-Tea Amal Rahmah 2026 bertemakan "Membina Harapan, Memelihara Masa Depan" telah berlangsung di The Everly Putrajaya anjuran Rumah Perlindungan dan Bimbingan Wanita Bayt al-Rahmah bersama HELWA ABIM Malaysia. Majlis amal ini diserikan dengan kehadiran YB Datuk Seri Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan Malaysia, yang menyeru agar usaha lapangan dalam memberi peluang kedua serta membangunkan potensi ibu-ibu muda terus digerakkan. Setiausaha Agung WADAH, Tuan Haji Azizuddin Ahmad, turut hadir bersama menjayakan majlis tersebut.



Majlis turut menyaksikan pelancaran InfaqPay Bayt al-Rahmah, inisiatif sumbangan dalam talian dan bulanan bagi menyokong kesinambungan usaha perlindungan, pemulihan dan bimbingan wanita yang disantuni institusi berkenaan. Penganjuran ini membawa mesej bahawa pembelaan golongan rentan bukan sekadar memenuhi keperluan semasa, tetapi membuka ruang kepada mereka membina semula kehidupan dengan maruah, sokongan dan harapan yang lebih baik.





BELANJAWAN 2027 DIDEKATKAN TERUS KEPADA KOMUNITI B40 BERCHAM

BERCHAM, 18 OKTOBER 2026 – Program NGO Bersama Komuniti Siri Ke-3 telah berlangsung di Dewan Komuniti Bandar Baru Putra, Bercham dengan memberi tumpuan kepada penerangan mengenai manfaat Belanjawan 2027 kepada komuniti B40. Timbalan Pengerusi WADAH Perak, Tuan Haji Mustaffa bin Bakar, menyampaikan sesi khas bagi membantu penduduk memahami inisiatif dan manfaat belanjawan yang berkaitan dengan kehidupan rakyat. Program turut disertai Shamsul Kamar bin Ani, Ketua Cabang Tambun merangkap Ahli Majlis Bandaraya Ipoh.

Program yang melibatkan WADAH bersama rakan-rakan NGO dan komuniti setempat ini turut disusuli penyampaian sumbangan secara simbolik kepada masyarakat. Penyerahan melibatkan wakil WADAH, Cabang Tambun, Angkatan Muda Keadilan Perak dan SALWA, sekali gus menggabungkan pendekatan penerangan dasar dengan santunan kebajikan secara langsung kepada komuniti setempat.

DUNIA DIGITAL TEKAN KELUARGA, IBU BAPA PPR DIPERKASA

KUALA LUMPUR, 18 OKTOBER 2026 – Bengkel Keibubapaan Era Digital telah berlangsung di Masjid Salahuddin Al-Ayyubi, Taman Melati, dengan menghimpunkan ibu bapa daripada komuniti PPR Pudu Ulu dan PPR Taman Mulia. Program ini memberi ruang kepada peserta memahami cabaran membesarkan anak dalam persekitaran digital yang semakin kompleks, khususnya dari sudut komunikasi keluarga, penggunaan teknologi secara terkawal serta kepekaan terhadap risiko dalam talian. Kedua-dua komuniti tersebut merupakan antara kawasan PPR di bawah pentadbiran DBKL.







Melalui pendekatan pendidikan keluarga yang praktikal, bengkel ini menekankan bahawa ibu bapa perlu bergerak seiring dengan perkembangan teknologi tanpa mengabaikan pembinaan akhlak, emosi dan hubungan yang sihat bersama anak-anak. Penganjuran ini menjadi sebahagian usaha memperkukuh ketahanan keluarga komuniti bandar agar lebih bersedia membimbing generasi muda menghadapi dunia digital dengan ilmu, disiplin dan nilai yang kukuh.

AL-MALA' DAN POLITIK PERUBAHAN: WADAH SERU ISLAH BERPRINSIP







BUKIT BINTANG, 19 OKTOBER 2026 – Usrah Gabungan WADAH Wilayah Persekutuan menampilkan Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam Ab Rahman, menerusi pengisian bertajuk "Cabaran Golongan al-Mala' dalam al-Quran dalam Menentang Politik Perubahan". Perbincangan meneliti konsep al-Mala' sebagai kelompok berpengaruh yang boleh menjadi penghalang perubahan apabila kepentingan, kedudukan dan penguasaan persepsi masyarakat didahulukan. Mengambil ibrah daripada kisah Firaun dan Balqis, beliau menegaskan bahawa kuasa perlu diurus berasaskan syura, keadilan dan pertanggungjawaban, manakala reformasi kenegaraan tidak boleh terhenti pada pertukaran politik semata-mata.

Beliau turut menggariskan keperluan memberi perhatian kepada integriti dan antirasuah, pengukuhan institusi serta kedaulatan undang-undang, pembangunan ekonomi yang memuliakan manusia, pembaharuan budaya politik dan pembinaan akhlak. WADAH, katanya, perlu terus berkembang sebagai gerakan islah yang berprinsip, bukan sekadar gerakan penentangan, dengan menjadikan politik sebagai amanah untuk membela kemaslahatan rakyat, menolak rasuah dan memastikan kuasa sentiasa digunakan secara adil serta bertanggungjawab.

500 PELAJAR KICT DIRAI MENERUSI MAHABBAH FOOD CORNER



GOMBAK, 19 OKTOBER 2026 – Program IIUM Mahabbah Food Corner @ Kulliyyah Edition 2026 telah berlangsung di Kulliyyah of Information and Communication Technology (KICT), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), dengan menyediakan agihan makanan kepada sehingga 500 pelajar. Program anjuran Student Affairs and Development Division (STADD), Office of Deputy Rector (SDCE) itu turut mendapat tajaan bersama daripada Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH).

Inisiatif kebajikan yang berlangsung di hadapan ICTSS Student Society Operating Room, KICT ini memberi tumpuan kepada pelajar yang memerlukan, sekali gus mencerminkan semangat kebersamaan dan kepedulian terhadap kesejahteraan mahasiswa. Penglibatan WADAH menerusi program tersebut turut meneruskan komitmen organisasi dalam menyokong pembangunan dan kebajikan generasi muda di institusi pengajian tinggi.







RAJA DAN PERLEMBAGAAN JADI FOKUS DIALOG UMMAH 2.0

BANGI, 21 OKTOBER 2026 – Dialog Ummah 2.0 bertemakan "Memperkukuh Institusi Diraja, Mensejahterakan Ummah" anjuran Himpunan Gerakan Islam Malaysia (HIKAM) telah berlangsung di Bangi Resort Hotel dengan menghimpunkan tokoh perundangan, akademik, agama, adat, masyarakat sivil dan media. HIKAM yang dianggotai WADAH, IKRAM, ABIM dan HALUAN mengangkat persoalan kedudukan Raja Berperlembagaan, hubungan Islam, Melayu, Raja dan Perlembagaan serta tanggungjawab masyarakat mengurus perbezaan pandangan secara berilmu dan beradab. Majlis dibuka oleh Timbalan Pengerusi HIKAM, Tuan Haji Badlishah Sham Baharin.



















Tiga sesi utama membedah isu tersebut daripada sudut perundangan, nilai Islam dan hubungan Raja-rakyat. Sesi "Islam, Melayu, Raja dan Perlembagaan: Memahami Amanah Kenegaraan" menampilkan Dr. Zulqarnain Lukman dan Puan Liyana Marzuki, manakala "Islam dan Adab Mengurus Perbezaan Pendapat" mengetengahkan Dr. Abu Hafiz Salleh Hudin serta Ustaz Faiz Fateh Al-Azhari. Sesi ketiga, "Raja dan Rakyat Berpisah Tiada", pula menampilkan Prof. Emeritus Dato' Dr. Noor Aziah Mohd Awal bersama YM Dato' Penghulu Dagang Dr. Haji Faridzwan Haji Abdul Ghafar, dengan penekanan terhadap amanah kenegaraan, saling menghormati dan kepentingan memelihara keharmonian masyarakat.

Dialog diakhiri dengan tiga resolusi utama HIKAM yang menyeru pemartabatan institusi Raja dan keluhuran Perlembagaan, pengukuhan perpaduan serta kesejahteraan ummah, dan perluasan peranan gerakan Islam bersama masyarakat sivil melalui dialog, musyawarah serta kerjasama strategik. Penganjuran ini menegaskan bahawa kestabilan negara tidak hanya bergantung pada kekuatan institusi, tetapi turut menuntut rakyat yang memahami Perlembagaan, menghormati kedaulatan undang-undang serta matang mengurus perbezaan.



TIGA PELAJAR INDUSTRI DIRAI, SUMBANGAN MEREKA DIHARGAI

ANJUNG RAHMAT, 23 OKTOBER 2026 – Majlis Apresiasi Pelajar Latihan Industri telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Anjung Rahmat bagi menghargai sumbangan tiga pelajar yang menjalani latihan industri. Mereka ialah Muhammad Daniel Haikhal bin Azmi, Syed Muhammad Syakir bin Syed Ahmad Yusri dan Nur Insyirah binti Ahmad Fathi.

Majlis ini menjadi tanda penghargaan atas komitmen, kerjasama dan pengalaman yang dikongsi sepanjang tempoh latihan, selain memberi ruang kepada para pelajar menimba pendedahan langsung dalam suasana kerja sebenar. Pengalaman tersebut diharapkan menjadi bekalan berguna dalam membina keyakinan, kemahiran profesional serta persediaan mereka melangkah ke alam kerjaya.



SAINS BERTAUHID, LEGASI KHALIJAH TERUS HIDUP MERENTAS GENERASI





SUNGAI RAMAL, 23 OKTOBER 2026 – Forum Kepimpinan Madani Siri 2 anjuran Pertubuhan Nadwah Ilmuwan dengan kerjasama WADAH telah berlangsung di Dewan Besar, Kompleks Dar al-Hikmah dengan mengangkat tema “Sains Tauhidik dalam Pembinaan Peradaban Madani: Sumbangan Khalijah Mohd Salleh”. Forum ini menelusuri legasi Almarhumah Prof. Dr. Khalijah Mohd Salleh sebagai tokoh fizik wanita Muslim yang menghubungkan disiplin sains dengan pandangan alam Islam, pendidikan dan pemerkasaan masyarakat. Program dimulakan dengan ucapan sambutan oleh Naib Presiden WADAH, Prof. Madya Ts. Dr. Nur Izura Udzir, diikuti kata pengantar oleh Pengerusi Pertubuhan Nadwah Ilmuwan, YB Senator Dato’ Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan Othman.

Sesi utama yang dikendalikan Dr. Fatin Nur Majdina Nordin menampilkan Prof. Emeritus Dato’ Dr. Mohd. Yusuf Othman, Puan Hjh. Adibah Ahmad dan Profesor Datin Dr. Lilia Halim. Perbincangan mengupas gagasan sains tauhidik yang melihat ilmu sebagai jalan memahami tanda-tanda kebesaran Allah, selain menyoroti sumbangan Almarhumah dalam pendidikan sains, pembangunan kurikulum bersepadu dan pembentukan generasi yang berfikir secara kritis serta beradab. Forum turut memperlihatkan sisi kepimpinan Almarhumah dalam gerakan dakwah dan pembangunan wanita, termasuk penglibatannya dalam HELWA ABIM serta usaha membina kesedaran sosial sejak dekad 1970-an.











Penganjuran ini memperlihatkan bahawa legasi Prof. Dr. Khalijah tidak terhenti pada pencapaian akademik, sebaliknya terus relevan sebagai rujukan dalam usaha membina peradaban yang menyepadukan ilmu, tauhid, pendidikan dan tanggungjawab sosial. Forum ini sekali gus membuka ruang kepada generasi semasa untuk menilai kembali hubungan antara sains dan nilai, serta menghidupkan pendekatan ilmu yang berteraskan adab, amanah dan kemanusiaan.

DEMOKRASI BANGLADESH DIBEDAH, WADAH IKUTI WACANA SERANTAU





KUALA LUMPUR, 27 OKTOBER 2026 – Wacana "Bangladesh Discourse: The Return of Democracy in Bangladesh" telah berlangsung di Kuala Lumpur International Hotel dengan menghimpunkan tokoh diplomasi, akademik dan penganalisis bagi membincangkan perkembangan demokrasi Bangladesh serta kesannya terhadap rantau. Program anjuran bersama Muslim World Research Center (MWRC), Malaysia dan Bangladesh Centre for Advanced Initiatives (BCAI), Dhaka turut mengupas prospek kerjasama ASEAN–SAARC–BIMSTEC, dinamika strategik Teluk Bengal serta krisis Rohingya. Antara tokoh utama yang tampil ialah Tan Sri Dr. Syed Hamid Albar, Tan Sri Ong Tee Keat serta Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh ke Malaysia, H.E. Manjurul Karim Khan Chowdhury.

Setiausaha Agung WADAH, Tuan Haji Azizuddin Ahmad, turut hadir mengikuti wacana tersebut sebagai sebahagian usaha WADAH memperluas jaringan serta memahami perkembangan geopolitik dan demokrasi serantau. Perbincangan menekankan bahawa perubahan politik Bangladesh mempunyai implikasi lebih luas terhadap kestabilan Asia Selatan dan Asia Tenggara, khususnya dalam isu keselamatan, kerjasama ekonomi, kemanusiaan Rohingya serta hubungan strategik antara negara sekitar Teluk Bengal.

HIKAM RANGKA KERJASAMA ASIA PASIFIK DEMI PALESTIN



SERI KEMBANGAN, 28 OKTOBER 2026 – Pertubuhan IKRAM Malaysia bersama Palestine Centre of Excellence (PACE) telah mengadakan pertemuan dengan pimpinan Himpunan Gerakan Islam Malaysia (HIKAM) di IKRAM Pusat bagi membincangkan cadangan penganjuran International Conference Asia Pacific Coalition for Quds & Palestine (APCQP) dengan kerjasama Majelis Ulama Indonesia (MUI). WADAH turut diwakili oleh Setiausaha Agungnya, Tuan Haji Azizuddin Ahmad, dalam perbincangan yang memberi tumpuan kepada penyelarasan kerjasama dan penglibatan jaringan masyarakat sivil serantau bagi mendukung perjuangan Palestin.

Pertemuan ini selari dengan peranan APCQP sebagai wadah kolaborasi masyarakat sivil Asia Pasifik dalam memperluas advokasi, diplomasi awam dan tindakan kemanusiaan untuk Palestin. Perbincangan tersebut membuka ruang kepada HIKAM dan rakan strategik untuk menyumbang secara lebih tersusun dalam jaringan serantau, khususnya dalam mengangkat isu Al-Quds, hak rakyat Palestin serta pengukuhan solidariti kemanusiaan merentas negara.

JOM DAFTAR AHLI WADAH

SCAN UNTUK SUMBANGAN
DuitNow QR
PERSATUAN WARDAH PENCERDASAN UMAT M'SIA







ANAK MEMBESAR DENGAN SKRIN, IBU BAPA PERLU BERSEDIA

Kuala Lumpur, 31 Oktober 2026 – Bengkel Keibubapaan Era Digital berlangsung di Masjid Salahuddin Al-Ayubi, Taman Melati dengan memberi tumpuan kepada cabaran mendidik anak dalam dunia yang semakin dipengaruhi teknologi dan penggunaan gajet. Program dari jam 8.30 pagi hingga 1.30 tengah hari itu dimulakan dengan ucapan En. Yusoff Khan bin Gludad Khan, Pengerusi Persatuan Perumahan Awam Seri Tioman 1, dan En. Megat Mohammad Azlan bin Megat Arshad, Ahli Jawatankuasa WADAH Pusat. Tiga pengisian utama menampilkan Puan Norazizah Abd Aziz yang membincangkan pendidikan generasi digital, En. Farid Wajdi Mohd Nor mengenai strategi pencegahan dan kawalan gajet, serta En. Muhammad KhairulAnwar Misnan yang mengupas pembinaan benteng ketahanan keluarga dalam dunia tanpa sempadan.






Bengkel menekankan bahawa cabaran digital tidak boleh ditangani melalui larangan atau kawalan peranti semata-mata, sebaliknya memerlukan komunikasi keluarga yang sihat, kefahaman terhadap perkembangan emosi anak, peraturan penggunaan skrin yang konsisten serta teladan ibu bapa sendiri. Peserta turut didedahkan kepada kaedah praktikal seperti perjanjian penggunaan gajet, aktiviti alternatif, aplikasi kawalan ibu bapa dan pembinaan tiga lapisan ketahanan keluarga merangkumi benteng dalaman, hubungan serta persekitaran. Pengisian ini membawa mesej bahawa teknologi bukan musuh keluarga, namun penggunaannya perlu dipandu dengan ilmu, nilai dan hubungan yang kukuh.

DELEGASI INDONESIA TEROKA KERJASAMA PENDIDIKAN ISLAM BERSAMA WADAH

BANGI, 31 OKTOBER 2026 – Program Kunjung Hormat Delegasi NGO dan Institusi Pendidikan Indonesia ke Ibu Pejabat WADAH menghimpunkan pimpinan pondok pesantren, institusi pendidikan Islam serta wakil gerakan dakwah dari Malaysia dan Indonesia bagi mempererat ukhuwah serantau serta meneroka kerjasama pendidikan. Delegasi disambut oleh Setiausaha Kewangan WADAH Kebangsaan, Tuan Haji Mohd Halimi Abdul Hamid, bersama pimpinan WADAH, ABIM, PKPIM, Kolej Dar al-Hikmah dan institusi pendidikan berkaitan.





Delegasi Indonesia antaranya terdiri daripada H. Moch. Hafizh El Yusufi, Direktur Pendidikan Diniyyah Al-Azhar Indonesia; Dr. H. Abdurochman, Direktur Litbang dan Kerja Sama PPTQ-Assahil Lampung; H. Muhammad Muslih A.K., Ketua Badan Wakaf Pondok Pesantren Baitul Quran Bekasi; serta Fatkhurrozi bin Bahrudin, Pimpinan Ponpes MAFAAZA Batam. Pertemuan memberi tumpuan kepada perkongsian ekosistem pendidikan WADAH-ABIM-PKPIM, termasuk pengalaman mengurus rangkaian TASKI, SERI, SEMI dan Kolej Dar al-Hikmah yang menggabungkan pendidikan akademik, tarbiyah dan pembangunan sahsiah.







Sesi dialog turut meneroka potensi pertukaran pelajar dan tenaga pengajar, penyelidikan bersama, pengukuhan kurikulum, wakaf pendidikan serta kemungkinan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara institusi kedua-dua negara. Kunjungan yang diakhiri dengan pertukaran cenderamata dan jamuan mahabbah ini membuka ruang lebih luas kepada pembinaan jaringan pendidikan Islam Malaysia-Indonesia yang lebih tersusun dan berterusan.

KRISIS ASIA BARAT DIBEDAH, MAHASISWA TURUT DEKATI GEOPOLITIK



BANGI, 31 OKTOBER 2026 – Seminar Kebangsaan Krisis Geopolitik Asia Barat dan Impak Masa Depan anjuran Persatuan Ulama Malaysia (PUM) berlangsung di Hotel Tenera & Suites dengan menghimpunkan sarjana, akademik dan tokoh masyarakat bagi membincangkan perubahan geopolitik Asia Barat serta implikasinya terhadap Malaysia dan dunia Islam. Sebanyak 11 kertas kerja dibentangkan meliputi konflik Amerika Syarikat-Iran, Selat Hormuz, ekonomi antarabangsa, kebangkitan Iran, Yaman dan Ansarullah, Revolusi Arab, hubungan mazhab serta kesatuan ummah. Seminar dimulakan dengan ucaptama Yang Dipertua PUM, Prof. Datuk Dr. Luqman Haji Abdullah, yang mengangkat perspektif maqasid dalam memahami isu geopolitik semasa.

Turut hadir Datuk Haji Mohd Nakhaie Ahmad, wakil HALUAN serta kira-kira 60 mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) daripada bidang berkaitan dakwah dan kepimpinan. Setiausaha Agung WADAH, Tuan Haji Azizuddin Ahmad, turut mengikuti seminar dan beramah mesra bersama peserta. Wacana ini menegaskan keperluan memahami konflik Asia Barat melalui kerangka ilmu, kebijaksanaan dan kepentingan ummah kerana perkembangan di rantau tersebut memberi kesan langsung terhadap ekonomi, keselamatan, hubungan antarabangsa serta masa depan dunia Islam.

WAJAH ISLAM BERMULA PADA ADAB MENYANTUNI PELANCONG





KUALA LUMPUR, 31 OKTOBER 2026 – Ceramah "Anda Adalah Wajah Islam: Amanah, Adab & Seni Berdakwah kepada Pelancong" telah berlangsung di Dewan Kaca, Masjid Jamek Sultan Abdul Samad dengan menampilkan Ustaz Abdul Muein Abdul Rahman sebagai penceramah. Program anjuran MTG Masjid Jamek dengan kerjasama WADAH itu menghimpunkan hampir 70 peserta, termasuk penggerak MTG dari Melaka dan Kedah, bagi memperhalusi pendekatan menyantuni pelancong dengan hikmah, adab dan kefahaman Islam yang baik.

Pengisian menekankan bahawa setiap petugas dan sukarelawan yang berinteraksi dengan pelancong membawa imej Islam melalui tutur kata, akhlak dan cara menyampaikan penerangan. Pendekatan MTG sendiri berkembang sebagai medium interaksi dan dialog yang membantu pelancong bukan Islam mengenali agama serta fungsi masjid dengan lebih dekat. Program ini sekali gus mempertemukan penggerak dari beberapa negeri untuk berkongsi pengalaman dan memperkemas seni dakwah dalam konteks pelancongan.

WADAH SERTAI LATIHAN TADBIR URUS NGO LEBIH BERINTEGRITI

PUTRAJAYA, 31 OKTOBER–1 NOVEMBER 2026 – Sijil Asas Tadbir Urus dan Pengurusan Kewangan Pertubuhan Bukan Kerajaan telah berlangsung di Dorsett Putrajaya dengan menghimpunkan sekitar 75 peserta daripada 30 NGO. Program dua hari ini memberi penekanan terhadap pengurusan organisasi yang berteraskan amanah, integriti, ketelusan dan akauntabiliti, khususnya dalam pengurusan kewangan serta dana masyarakat. Program turut melibatkan kerjasama YADIM, Universiti Islam Antarabangsa MAIWP (UniMAIWP) dan beberapa rakan NGO.



WADAH diwakili oleh Puan Lathifah Ulfa Ismail dalam program tersebut, sekali gus memberi ruang kepada organisasi menimba amalan terbaik berkaitan tadbir urus dan pengurusan kewangan NGO. Penyertaan ini selari dengan usaha meningkatkan profesionalisme gerak kerja organisasi, khususnya dalam memastikan sistem pentadbiran yang lebih tersusun, telus dan bertanggungjawab seiring tuntutan pengurusan NGO masa kini. Puan Lathifah sebelum ini turut terlibat dalam penyelarasan struktur dan gerak kerja Sekretariat WADAH Pusat.

ZIARAH PRIHATIN SANTUNI PIMPINAN WADAH PERAK DAN PERLIS

ZIARAH kebajikan telah diadakan bagi menyantuni Ustaz Mohamad Tarmizi Abdul Hamid, Pengerusi Majlis Syura Negeri Perak, yang sedang melalui ujian kesihatan. Beliau masih dalam proses pemulihan selepas mengalami gangguan kesihatan pada awal Ogos lalu dan kini belum dapat kembali memandu seperti biasa. Pertemuan ini menjadi ruang menyampaikan sokongan serta doa agar beliau dikurniakan kesembuhan dan dipermudahkan segala urusan.

Ziarah turut dilakukan kepada Haji Ahmad Mat Isa, Setiausaha WADAH Perlis, yang sedang menjalani rawatan kemoterapi bagi kanser limfoma dan baru selesai pusingan kedua rawatan. Beliau turut menitipkan salam kepada Presiden WADAH serta seluruh barisan Exco. Semoga kedua-dua pimpinan terus diberikan kekuatan, kesabaran dan kesembuhan oleh Allah SWT untuk kembali meneruskan khidmat kepada masyarakat dan gerakan.





TUNAS NAHDAH BAWA KELAS MENGAJI, TUISYEN TERUS KE PPR















KUALA LUMPUR, OGOS–OKTOBER 2026 – Projek Tunas Nahdah (PTN) meneruskan usaha mendekati komuniti asnaf dan keluarga B40 melalui program pendidikan yang dilaksanakan terus di kawasan perumahan awam dan PPR. Antara pengisian utama ialah kelas al-Quran dan tadabbur yang melibatkan 150 peserta di PA Desa Rejang, PA Flat Sri Melaka dan PPR Cochrane Perkasa, sekali gus memudahkan kanak-kanak, orang dewasa dan warga emas mengikuti pengajian berhampiran kediaman mereka.

Bagi menyokong pendidikan anak-anak pula, PTN menyediakan kelas literasi 3M dan tuisyen STEM kepada 100 peserta di PPR Taman Wahyu dan PPR Sri Tioman 1. Program ini memberi bimbingan tambahan dalam kemahiran membaca, menulis dan mengira, selain membantu pelajar mengukuhkan pembelajaran dalam bidang sains dan matematik. Seramai 100 pelajar turut menyertai Bengkel Level Up: Misi Smart Study bagi mempelajari strategi belajar dan pengurusan pembelajaran yang lebih berkesan.

Pendekatan PTN yang membawa kelas terus ke tengah komuniti menjadikan akses kepada pendidikan agama dan akademik lebih mudah, khususnya bagi keluarga yang memerlukan sokongan tambahan. Gabungan kelas mengaji, tuisyen, literasi dan kemahiran belajar memperlihatkan usaha membina komuniti bukan sekadar melalui bantuan kebajikan, tetapi dengan menyediakan ilmu dan bimbingan yang mampu memberi kesan lebih berpanjangan kepada anak-anak serta keluarga.

WADAH SAMBUT BAIK PENDAPATAN PELABURAN TERTINGGI RM4.64 BILION TABUNG HAJI, SERU TATAKELOLA DAN AMANAH TERUS DIPERKUKUH

Kenyataan Media

5 OKTOBER 2026

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) menyambut baik pencapaian Lembaga Tabung Haji (TH) yang merekodkan pendapatan pelaburan sebanyak RM4.64 bilion bagi tahun kewangan 2025, paras tertinggi yang pernah dicatatkan oleh institusi tersebut.

Pencapaian ini memperlihatkan hasil positif daripada strategi pelaburan yang lebih berdisiplin, pengurusan risiko yang berterusan serta pengukuhan tatakelola. Ia juga memberikan keyakinan bahawa usaha reformasi dan penambahbaikan institusi yang dilaksanakan sejak beberapa tahun lalu sedang membuahkan hasil.

WADAH mengambil maklum penjelasan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dr Zulkifli Hasan, di Dewan Rakyat bahawa portfolio pelaburan TH diurus secara berhemat, patuh syariah dan berpandukan kerangka Alokasi Aset Strategik (Strategic Asset Allocation – SAA).

Kerangka tersebut memastikan portfolio TH dipelbagaikan mengikut kelas aset, sektor dan pasaran, manakala aspek pengurusan risiko memberi keutamaan kepada perlindungan modal pendeposit, pengurusan aset dan liabiliti, kecairan serta pemilihan aset yang mempunyai asas dan aliran tunai yang mampan.

Kedudukan kewangan TH juga kekal kukuh dengan jumlah aset sebanyak RM98.58 bilion berbanding liabiliti RM95.63 bilion bagi tahun kewangan 2025. Kadar Agihan Keuntungan turut meningkat daripada 1.25 peratus pada 2018 kepada 3.50 peratus pada 2025, melibatkan agihan sebanyak RM3.22 bilion kepada lebih 9.7 juta pendeposit.

WADAH berpandangan bahawa prestasi ini membuktikan pentingnya tatakelola yang kukuh, disiplin pelaburan, pematuhan syariah dan pengurusan risiko yang berkesan. Pencapaian yang baik ini bagaimanapun tidak seharusnya membawa kepada sikap selesa. Sebaliknya, momentum reformasi perlu diteruskan agar kekuatan kewangan dan keyakinan pendeposit dapat dipertahankan dalam jangka panjang.



Pengalaman lalu serta dapatan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berkaitan Tabung Haji hendaklah terus menjadi pedoman untuk memperkukuh sistem, menutup ruang kelemahan dan memastikan setiap keputusan yang melibatkan dana umat dibuat dengan penuh integriti, kompetensi dan akauntabiliti.

WADAH turut menghargai usaha TH memastikan mandat asal institusi terus dipelihara, termasuk membantu umat Islam membuat persediaan menunaikan ibadah haji. Keupayaan mengekalkan Kos Haji pada kadar RM33,300 bagi empat musim berturut-turut dari 2024 hingga 2027 turut menunjukkan kepentingan pengurusan kewangan yang mampan dalam menyokong kepentingan para jemaah.

Tabung Haji ialah institusi amanah umat. Kejayaannya tidak harus diukur melalui prestasi kewangan semata-mata, tetapi juga melalui kekuatan tatakelola, keselamatan simpanan, pematuhan syariah, mutu perkhidmatan dan keyakinan berterusan para pendeposit.

WADAH mengucapkan tahniah kepada pengurusan serta seluruh warga Tabung Haji atas pencapaian ini dan berharap prestasi tersebut dapat dipertahankan serta dipertingkatkan secara mampan.

Prestasi yang kukuh mesti disokong oleh tatakelola yang kukuh, kerana amanah umat tidak boleh dikompromi.

"MENGANGKAT MARTABAT UMAT"

AZIZUDDIN AHMAD
Setiausaha Agung
Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH)

Kenyataan Media

NEW AGE MOVEMENT: **JANGAN DINORMALISASIKAN, JANGAN JUGA DITANGANI SECARA MELULU**



6 OKTOBER 2026
BANDAR BARU BANGI, MALAYSIA

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) mengambil perhatian serius terhadap semakin mel uasnya pelbagai bentuk kepercayaan, amalan dan kandungan kerohanian yang dikaitkan dengan New Age Movement, khususnya melalui media sosial, platform digital dan budaya popular.

WADAH berpandangan bahawa fenomena ini tidak wajar dinormalisasikan tanpa penelitian, khususnya apabila unsur tertentu boleh mengelirukan akidah, mengaburkan konsep ketuhanan dan wahyu, serta mencampuradukkan ajaran agama dengan kepercayaan spiritual yang tidak berasaskan sumber yang sahih.

Antara kecenderungan yang sering dikaitkan dengan New Age termasuk kepercayaan terhadap tenaga sejagat, manifestation, law of attraction, astrologi, crystal healing, sinkretisme agama dan pelbagai bentuk spiritualiti alternatif.

Namun, WADAH menegaskan bahawa tidak semua amalan meditasi, pembangunan diri atau kesihatan alternatif boleh terus dilabel sebagai New Age. Penilaian hendaklah dibuat secara ilmiah berdasarkan kandungan, sumber kepercayaan dan implikasinya terhadap akidah serta kehidupan manusia.

AKIDAH TIDAK BOLEH DIKOMPROMIKAN

Kebimbangan utama ialah apabila manusia mula melihat dirinya sebagai sumber kuasa mutlak, mempercayai tenaga atau kuasa ghaib selain Allah, atau menerima idea bahawa keinginan manusia sendiri mempunyai kuasa menentukan realiti secara mutlak.

Prinsip Islam jelas bahawa manusia mempunyai ikhtiar, tetapi kuasa mutlak tetap milik Allah SWT. Doa bukan manifestation, tawakal bukan sekadar positive thinking, dan kejayaan bukan hasil kuasa minda semata-mata.

Dalam masa yang sama, WADAH menolak pendekatan yang hanya membangkitkan ketakutan, membuat tuduhan secara melulu atau menghukum tanpa ilmu. Isu akidah mesti ditangani dengan ilmu, hujah, hikmah dan adab.

WADAH menyeru ibu bapa, pendidik, pendakwah dan institusi agama supaya tidak sekadar berkata “jangan ikut”, tetapi menjelaskan “mengapa jangan ikut dan apakah alternatif yang benar.” Islam sendiri menawarkan tradisi kerohanian yang kaya melalui iman, ihsan, zikrullah, doa, tafakkur, tazkiyah al-nafs dan pembinaan akhlak. Keperluan manusia terhadap ketenangan jiwa dan makna kehidupan mesti dipenuhi dengan kerohanian Islam yang autentik, bukan dengan kepercayaan yang mengelirukan.

WADAH turut menyatakan sokongan terhadap ketegasan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dalam menolak fahaman New Age Movement yang bercanggah dengan akidah Islam, serta menghargai tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam meneliti dan menangani isu berkenaan. WADAH berpandangan bahawa pendirian yang jelas daripada pihak berautoriti amat penting bagi memelihara kemurnian akidah umat Islam, dan pada masa yang sama setiap tindakan hendaklah terus berteraskan prinsip ilmu, tabayyun, hikmah dan keadilan agar masyarakat mendapat panduan yang tepat serta tidak terjebak dalam kekeliruan atau penghukuman secara terburu-buru.

SERUAN WADAH

WADAH menyeru masyarakat agar tidak mudah terpesona dengan sesuatu hanya kerana ia moden, popular atau disampaikan oleh tokoh media sosial. Pada masa yang sama, masyarakat hendaklah mengelakkan sikap menolak tanpa memahami.Kita memerlukan masyarakat yang celik agama, celik ilmu dan celik digital.

WADAH juga menyeru pihak berautoriti, institusi pendidikan, sarjana Islam dan pengamal media supaya mempergiat pendidikan awam mengenai perkembangan pemikiran dan spiritualiti kontemporari agar masyarakat mempunyai panduan yang jelas. Dalam menghadapi New Age Movement, tugas kita bukan sekadar memerangi fahaman yang salah, tetapi membina manusia yang tidak mudah dipengaruhi oleh fahaman yang salah.

WADAH akan terus memperkukuh agenda pencerdasan umat dengan membina generasi yang teguh akidahnya, luas ilmunya, kritis pemikirannya dan luhur akhlaknya.

“MENGANGKAT MARTABAT UMAT”

USTAZ HASRI BIN HARUN
Timbalan Presiden
Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH)
www.wadah.org.my

Kenyataan Media

BELANJAWAN 2027: MEMPERKUKUH EKONOMI, MEMARTABATKAN SYIAR ISLAM DAN MEMELIHARA KESEJAHTERAAN RAKYAT



9 OKTOBER 2026

WADAH menyambut baik pembentangan Belanjawan MADANI 2027 bertemakan "Menggapai di Langit, Mengakar di Bumi", yang menggariskan usaha memperkukuh ekonomi negara dan memastikan hasil pembangunan dapat dinikmati oleh segenap lapisan rakyat.

Pembentangan belanjawan ini merupakan medan penting untuk menilai bagaimana usaha membaiki dan memulihkan ekonomi negara diterjemahkan kepada manfaat yang nyata dalam kehidupan rakyat, terutama dalam menghadapi tekanan kos sara hidup dan keperluan keluarga.

Pelbagai langkah reformasi, termasuk penyasaran subsidi, pembaharuan fiskal, pengukuhan kedudukan kewangan negara, pengurangan ketirisan serta penambahbaikan sistem percukaian, menjadi asas penting untuk meningkatkan keyakinan pelabur dan memperkukuh daya tahan ekonomi negara.

Usaha ini turut membuka ruang untuk memperluas bantuan dan perlindungan kepada pelbagai lapisan masyarakat, termasuk penjawat awam, pesara, warga emas, golongan B40 dan M40, pekerja gig, mahasiswa serta peniaga kecil. WADAH menekankan pentingnya pelaksanaan yang cekap dan telus agar bantuan benar-benar sampai kepada mereka yang memerlukan.

WADAH turut menghargai ikhtiar pembangunan hartanah bagi menyediakan perumahan rakyat di tengah-tengah Kuala Lumpur. Langkah ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan MADANI memastikan pembangunan kota turut menyediakan ruang kehidupan yang layak dan mampu dimiliki oleh rakyat.

Setelah lebih tiga tahun usaha membaiki ekonomi negara dan memperkukuh Agenda Bumiputera dilaksanakan, WADAH mengajak rakyat memastikan kelangsungan kepimpinan MADANI serta mendukung agenda pembaharuan demi kesejahteraan bersama. Petikan ayat ke-18 Surah al-Hashr oleh YAB Perdana Menteri mengingatkan kita tentang tanggungjawab menilai usaha hari ini dan mempersiapkan masa hadapan, lebih-lebih lagi menjelang sambutan ulang tahun kemerdekaan negara ke-70 pada tahun hadapan.

WADAH secara khusus menyambut baik cadangan peningkatan peruntukan hal ehwal Islam daripada RM2.6 bilion kepada RM3.1 bilion. Pertambahan ini wajar dimanfaatkan untuk memperkukuh institusi pendidikan Islam, memelihara tradisi keilmuan pondok dan turath, meningkatkan kebajikan petugas agama serta memperluas pendekatan dakwah yang dekat dengan masyarakat, khususnya generasi muda. Bagi WADAH, usaha memartabatkan syiar Islam perlu diterjemahkan melalui pengukuhan ilmu, pembinaan akhlak dan khidmat yang membawa manfaat kepada seluruh masyarakat.

WADAH turut menyambut baik cadangan mewajibkan pesalah jalan raya, khususnya pemandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah, membayar pampasan kepada mangsa atau keluarga mangsa melalui pindaan Akta Pengangkutan Jalan. Cadangan ini selari dengan semangat diyat dan prinsip pemeliharaan nyawa (hifz al-nafs) dalam Islam, yang menuntut pertanggungjawaban pesalah serta pembelaan terhadap mangsa dan waris mereka. WADAH berharap mekanisme ini diperhalusi secara adil dan berkesan supaya keluarga yang kehilangan insan tersayang, terutama pencari nafkah, menerima pembelaan sewajarnya.

WADAH berharap Belanjawan MADANI 2027 dilaksanakan dengan amanah, cekap dan telus agar manfaatnya benar-benar dirasai rakyat. Dengan semangat "Menggapai di Langit, Mengakar di Bumi", WADAH menyeru seluruh rakyat bersama-sama membina Malaysia yang memartabatkan Islam, menjamin kesejahteraan dan memperkukuh perpaduan demi masa hadapan generasi penerus.

"MENGANGKAT MARTABAT UMAT"

AZIZUDDIN AHMAD
Setiausaha Agung
Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH)
www.wadah.org.my

Kenyataan Media

HIKAM SERU PENELITIAN BERHEMAH TERHADAP DAKWAAN RITUAL YANG MENIMBULKAN PERSOALAN AKIDAH



Himpunan Gerakan Islam Malaysia (HIKAM) memandang serius dakwaan yang mengaitkan Aliff Daniel dengan penglibatan dalam ritual keagamaan Hindu sempena sambutan Thaipusam di Batu Caves, termasuk gambar dan video yang didakwa memperlihatkan beliau menjadi objek pemujaan.

Perkara ini wajar diberikan perhatian kerana menyentuh persoalan akidah dan berpotensi menimbulkan kekeliruan dalam kalangan umat Islam.

HIKAM menegaskan bahawa pemeliharaan akidah merupakan perkara asas yang perlu diberikan perhatian sewajarnya. Pada masa yang sama, kesahihan bahan yang tersebar, konteks sebenar kejadian dan status agama individu berkenaan hendaklah disahkan sebelum sebarang kesimpulan dibuat.

Prinsip keadilan dan penelitian yang teliti penting bagi memastikan perkara ini ditangani secara bertanggungjawab.

Sehubungan itu, HIKAM berharap agar Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dengan kerjasama pihak berkuasa agama negeri yang berkaitan, dapat meneliti perkara ini dan memberikan penjelasan sewajarnya kepada masyarakat.

Sekiranya dakwaan tersebut disahkan benar dan melibatkan perlakuan yang bercanggah dengan prinsip akidah Islam, tindakan yang bersesuaian hendaklah dipertimbangkan berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

HIKAM turut mengingatkan masyarakat agar mengamalkan prinsip tabayyun dan tidak membuat penghukuman berdasarkan maklumat yang belum disahkan. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Hujurat, ayat 6:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِن جَآءَكُمْ فَاسِقٌۢ بِنَبَإٍ
فَتَبَيَّنُوٓا۟ أَن تُصِيبُوا۟ قَوْمًۢا بِجَهَٰلَةٍ فَتُصْبِحُوا۟
عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَٰدِمِينَ ٦

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini kerana kejahilan kamu, sehingga kamu menyesali apa yang telah kamu lakukan."

Surah al-Hujurat, 49:6)

HIKAM berharap agar perkara ini dapat ditangani melalui kerjasama semua pihak, dengan mengutamakan pemeliharaan akidah, ketepatan maklumat, keharmonian masyarakat dan penghormatan terhadap proses undang-undang.

Penjelasan yang berasaskan fakta daripada pihak berautoriti amat penting bagi meredakan kekeliruan dan memelihara keyakinan masyarakat terhadap institusi agama.

Himpunan Gerakan Islam Malaysia (HIKAM)

1. Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH)
2. Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM)
3. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
4. Pertubuhan Himpunan Lepasan Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN)

Sekretariat HIKAM

AZIZUDDIN AHMAD
Setiausaha Agung WADAH

MOHD. HAFIZ ABD. HAMID
Setiausaha Agung IKRAM

AHMAD FAWWAZ AHMAD SHUKRI
Setiausaha Agung ABIM

MOHD. SABBRI MD. YUDIN
Setiausaha Agung HALUAN

SALWA
BERITA SALWA

BENGKEL KEIBUBAPAAN ERA DIGITAL

Lensa Siri Bengkel Keibubapaan Era Digital, WADAH dan MAIWP.

SALWA dan Pusat Tunas Nahdah WP telah berkerjasama menganjurkan tiga bengkel di PPR dan Perumahan awam di Wilayah Persekutuan. Bengkel membicarakan tentang teknik mendidik anak-anak era digital dan penekanan kepada peranan ibubapa dan komuniti dalam membina generasi berwibawa dan sejahtera.

4 Oktober 2026 di Yayasan Pusat Belia Antarabangsa, Kuala Lumpur. Seramai 100 orang peserta daripada PPR kawasan Bandar Tun Razak telah hadir.







18 Oktober 2026 di Masjid Salahuddin Al-Ayyubi, Taman Melati, Kuala Lumpur. Seramai 100 orang peserta daripada PPR Pudu Ulu telah hadir.









31 Oktober 2026 di Masjid Salahuddin Al-Ayyubi, Taman Melati, Kuala Lumpur. Peserta terdiri daripada komuniti PA Sri Tioman 1 dan Sri Tioman 2 .

KULIAH PAGI SALWA

TAHSIN SURAH YAASIN

SELANGOR, 24 OKTOBER 2026 | SABTU – Siri Kuliah Pagi SALWA yang berlangsung secara maya di aplikasi Zoom telah disampaikan oleh Dr. Nor Salimah Mansor, Ketua SALWA Terengganu. Seramai 60 orang ahli SALWA Malaysia telah hadir dalam talian. Kuliah ini telah diadakan pada 13 Jamadilawal 1448H, 7.30 – 8.45 pagi.



USRAH INTERAKTIF BERSAMA KOMUNITI

KUPASAN BUKU @ TADABUR AL QURAN

SELANGOR, 28 OKTOBER 2026 | RABU – Usrah komuniti SALWA bersama kejiranan Teras Jernang di rumah Puan Ramlah. Usrah diadakan pada minggu ke-4 setiap bulan. Seramai 26 orang hadir bersama penceramah jemputan Ustaz Haji Afifi Ahmad (Pendakwah Bebas).





SIRI WEBINAR SALWA

APA KHABAR PUAN-PUAN? SIHAT FIZIKAL & EMOSI

SELANGOR, 29 OKTOBER 2026 | Khamis – SALWA telah memulakan siri webinar baru bertajuk Apa Khabar Puan-Puan? Webinar ini dikendalikan oleh Prof. Dr. Nor Zuraida Zainal, Pakar Perunding Psikiatri, UMSC dengan penekanan kepada kesihatan mental dan fizikal wanita.

Webinar diadakan setiap dua minggu pada hari Khamis, jam 4.00 – 5.00 petang melalui pautan Zoom dan disiar juga secara maya di FB Salwa Malaysia. Seramai 150 orang peserta telah hadir dalam talian dan FB live.

